

## DW 3.2: Pembaharuan dan Penguatan Penjenamaan dan Promosi yang Meluas bagi Pelancongan Desa di Setiap Daerah

### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

#### Justifikasi Cadangan:

- Penjenamaan pelancongan desa dilakukan mengikut keistimewaan yang ditawarkan bagi setiap daerah.
- Kepentingan penjenamaan daerah untuk memajukan sektor pelancongan dan pelaburan setempat dan pada yang sama untuk mempromosikan daerah sebagai lokasi yang bersesuaian untuk pelancongan.
- Memperkenalkan jenama pelancongan desa bagi setiap daerah:
  - Daerah Batu Pahat – Pelancongan Agro, Budaya dan Warisan
  - Daerah Kluang – Pelancongan Eko dan Sejarah Warisan
  - Daerah Mersing – Pelancongan Pulau dan Eko (*Mesmerising Mersing*)

#### Komponen Cadangan:

- Penetapan penjenamaan pelancongan desa di setiap daerah.
- Pembinaan *billboard* bagi mempromosikan pelancongan desa di setiap daerah.
- Penguatan Pemasaran dan Promosi Pelancongan Yang Interaktif Secara Digital.

#### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi negeri dan persekutuan.

### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **semua daerah Fasa 2.**

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Batu Pahat	-	-
Kluang	-	-
Mersing	-	-
<b>Jumlah</b>	-	-

### AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>• MOTAC</li> <li>• Tourism Johor</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• PBT</li> <li>• Tourism Johor</li> </ul>

### ANGGARAN KOS

- Anggaran kos pemasangan *billboard* = RM 500,000 bagi setiap daerah dengan jumlah kos RM 1,500,000.
- Anggaran kos pemasaran *e-digital* = RM 100,000 bagi setiap daerah dengan jumlah kos RM 300,000.

**Jumlah Keseluruhan Kos: RM 1,800,000.**

### FASA PELAKSANAAN



**Penetapan Penjenaman Pelancongan Desa Di Setiap Daerah**

Memperkenalkan jenama pelancongan desa bagi setiap daerah untuk memajukan sektor pelancongan dan pelaburan setempat dan pada masa yang sama untuk mempromosikan daerah sebagai lokasi yang bersesuaian untuk pelancongan.



Foto: Daerah Kluang terkenal dengan aktiviti pelancongan eko dan sejarah warisan.  
 Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

**Pembinaan Billboard Bagi Mempromosikan Pelancongan Desa Di Setiap Daerah**

Pemasangan papan iklan elektronik atau *billboard* di tepi lebuh raya dan persimpangan jalan merupakan antara alat promosi yang berkesan bagi menarik pengunjung ke sesuatu destinasi atau penyertaan dalam penganjuran acara pelancongan.



Foto: Contoh bentuk pengiklanan *billboard* yang digunakan bagi mempromosikan destinasi pelancongan.  
 Sumber: Johnbell.typepad



Foto: Daerah Batu Pahat terkenal dengan aktiviti pelancongan agro, budaya dan warisan.  
 Sumber: Simpleview.europe



Foto: Daerah Mersing terkenal dengan aktiviti pelancongan eko, pulau-pulau dan kawasan pantai.  
 Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020

**Pengukuhan Pemasaran dan Promosi Pelancongan Yang Interaktif Secara Digital**

Langkah pengukuhan yang boleh dilaksanakan adalah:

- i. Mengemaskini dan mewar-warkan produk dan aktiviti pelancongan sedia ada dan baru melalui sistem digital selain pendekatan konvensional. Penggunaan dwi-bahasa (sekurang-kurangnya Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) bagi memudahkan pelancong luar terutamanya mendapatkan maklumat pelancongan daerah.
- ii. Pengemaskinian maklumat secara berkala bagi memastikan maklumat terkini yang disalurkan.



Foto: Penggunaan *Tourism Apps* dalam pemasaran dan promosi aktiviti pelancongan.  
 Sumber: Simpleview.europe